

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 8 NOVEMBER 2015 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MOSTI kaji bangunkan standard penggunaan alatan vape	Utusan Malaysia
2.	MOSTI kaji piawaian e-rokok	Berita Harian
3.	MOSTI to develop standard guideline on vape	The Borneo Post
4.	Inovasi tempatan tarik perhatian K.I.S	Utusan Malaysia
5.	PM ucap tahniah kepada Dr. Noorul Ainur	Utusan Malaysia
6.	DNA dan asal usul manusia	Utusan Malaysia
7.	Keputusan DNA empat mangsa kes bunuh Tapah diketahui selewat-lewatnya sebulan	BERNAMA
8.	KPDNKK bakal perkenalkan penyelarasan harga e-rokok	BERNAMA
9.	Musin tengkujuh kini bermula	Berita Harian
10.	Beberapa kawasan di Kota Kinabalu, Penampang dinaiki air	BERNAMA
11.	Gempa bumi kuat di Utara Sumatera	BERNAMA
12.	Gempa bumi lemah landa Ranau di Sabah	BERNAMA

MOSTI kaji bangunkan standard penggunaan alatan vape

PUTRAJAYA 7 Nov. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan mengkaji keperluan untuk membangunkan satu standard berhubung penggunaan alatan rokok elektronik atau vape berikutan isu keselamatan yang dibangkitkan pelbagai pihak.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau

berkata, hanya agensi di bawah MOSTI iaitu SIRIM Berhad (SIRIM) melalui anak syarikatnya SIRIM Qas International berkeupayaan menjalankan beberapa bentuk ujian ke atas ciri-ciri keselamatan terhadap rokok elektronik atau vape.

Beliau berkata, bagi alat jenis vape, ujian keselamatan boleh dijalankan ke atas bateri Ion Litium yang tertakluk di bawah ujian IEC62133 bagi memastikan tidak berlaku litar pintas, letupan, kebakaran, kebocoran ataupun pecah.

"Antara ujian yang boleh dilakukan terhadap alatan vape ialah ujian altitud, kitaran terma, getaran, hentakan mekanikal, litar pintas luaran, ujian hancur, discas paksaan,



MADIUS TANGAU

pengecasan luar biasa, jatuh bebas, salah guna terma, pemasangan salah dan terlebih cas.

"Bagi rokok elektronik, peralatan jenis ini biasanya menggunakan pengecas biasa atau penyesuai yang tertakluk di bawah standard MS: MS IEC60335-1 dan MS IEC60335-2-29:2005," katanya dalam satu kenyataan di sini hari

ini.

Menurut Madius, bagi keselamatan *E-Liquid* atau cecair yang terkandung di dalam rokok elektronik, satu standard perlu dikenalpasti atau dibangunkan sebelum pengujian atau pensijilan boleh dilaksanakan.

"Ujian boleh dilakukan oleh SIRIM Qas International ke atas *E-Liquid* bagi mengenal pasti kehadiran logam berat seperti pencemar logam, bahan berbahaya dan kandungan karsinogenik," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, pengecas luar atau pengedar rokok elektronik atau vape boleh tampil secara sukarela untuk menjalankan ujian-ujian berkenaan ke atas peralatan jualan mereka.

MOSTI kaji piawaian e-rokok

Kota Kinabalu: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan mengkaji keperluan membangunkan satu piawaian terhadap komponen vape dan rokok elektronik (e-rokok), susulan isu keselamatan peralatan itu yang dibangkitkan orang ramai sejak akhir-akhir ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau, berkata SIRIM menerusi anak syarikatnya, SIRIM QAS International, berupaya melakukan beberapa jenis pengujian ke atas ciri keselamatan alat berkenaan bagi menangani isu keselamatannya.

"Bagi vape, pengujian keselamatan boleh dibuat terhadap bateri ion Litium yang digunakan dan ujian merangkumi pelbagai perkara antaranya ujian altitud, getaran, hentakan mekanikal dan litar pintas luaran.

Buat ujian keselamatan

"Menerusi setiap ujian, hasilnya adalah untuk memastikan tiada berlaku litar pintas, letupan, kebakaran, kebocoran atau pecah," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Bagi e-rokok, beliau berkata, peralatan itu lazimnya menggunakan pengecas biasa atau pun penyesuai (adaptor) yang tertakluk mengikut standard MS: MS IEC 60335-1: 2013 dan MS IEC 60335-2-29:2005.

"Bagi keselamatan cecair yang digunakan pula, satu standard perlu dikenal pasti atau dibangunkan sebelum pengujian atau pensijilan boleh dilaksanakan," katanya.

Mosti to develop standard guideline on vape

KUCHING: **The Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)** will carry out studies to develop a standard guideline following concerns raised by the public on the safety of Vape or E-cigarette which has gained a reputation of late.

To address the safety concerns, its **minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau** emphasised that agencies like Sirim through its sister company Sirim QAS International will conduct several tests on the safety aspects of the vaping device.

Among the tests to be conducted for vape, Madius revealed in a press statement issued yesterday, will be on the Ion Litium battery to be done under the IEC 62133 test.

The tests will cover the altitude (storage battery under 11.6kPa or less for at least six hours), thermal cycling, vibration, mechanical shock, external short-circuit, crush (for device/hydraulic press with pressure of 15N), force discharge, abnormal charging, free fall, thermal abuse, incorrect installation and over discharge.

The result from each test will ensure incidences such as short-circuit, explosion, fire, leakage or breakage can be prevented.

As for E-cigarette, he said the device normally uses normal charger or an adaptor that must meet compliance under MS: MS IEC 60335-1: 2013 and MS IEC 60335-2-29:2005.

For the safety of e-liquid, which is the liquid solution used in vaporisers, Madius pointed out that a set of standard must be identified or developed before test or certification can be implemented.

However, a test on the e-liquid to identify the presence of heavy metal such as metal contaminants, harmful substances and carcinogenic content can be done.

In another related development, Madius encouraged manufacturers or distributors of vape and e-cigarette to come forward and volunteer to take the tests for the devices that they were retailing.

INOVASI TEMPATAN TARIK PERHATIAN K.I.S

SEBUAH syarikat bumiputera yang merupakan inkubati di Taman Teknologi Malaysia, Amiran Technology Sdn. Bhd. (Amiran) menjangka pulangan sebanyak RM1.2 bilion dalam tempoh 10 tahun hasil kerjasama dengan syarikat K.I.S Co. Ltd. Japan (K.I.S).

Skop kerjasama antara kedua-dua pihak meliputi kerja-kerja pemasangan siap dan pengeluaran Penjana Gas Hibrid Tenaga Synfuel berdasarkan rekabentuk konsep dari Amiran untuk membangunkan sistem kuasa super solar hibrid dengan modul penjana tenaga hidrogen, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemasaran dan promosi serta aktiviti berkaitan.

Pengarah Urusan Amiran, Ali Sadiqin Mohamed Nor berkata, menerusi perjanjian itu, syarikatnya akan melakukan kerja-kerja fabrikasi, pengeluaran dan integrasi Penjana Gas Hibrid Tenaga Synfuel dengan panel solar kogenerasi dan panel super solar K.I.S untuk mewujudkan ladang solar hibrid.

Katanya, Penjana Gas Hibrid Tenaga Synfuel yang dibangunkan oleh pihaknya akan digunakan bagi membantu mengurangkan pelepasan karbon dari enjin dan memberi penjimatan tambahan kepada penggunaan bahan api sebagai sistem ekotenaga.

"Lanjutan daripada perjanjian ini, K.I.S akan menyediakan kontrak pembelian balik kepada Amiran untuk memasang solar fotovoltaiik dan panel solar kogenerasi ke Jepun. Perjanjian kontrak pembelian balik ini dijangka dimeterai di Tokyo, Jepun pada Januari 2016," katanya ketika kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) perkongsian teknologi 10 tahun dengan K.I.S yang disaksikan oleh **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah** di Taman Teknologi Malaysia di sini, Khamis lalu.

Dalam majlis tersebut, Amiran diwakili Ali Sadiqin dan Ketua Pegawai Teknologinya, Amir Ahmad manakala K.I.S diwakili Pengerusi K.I.S Pulau Pinang, Yamanaka Takekazu dan Penasihat



PENASIHAT Kanan KIS CO. Japan, Yamanaka Takekazu (tiga dari kanan) menukar dokumen perjanjian bersama Ketua Pegawai Teknologi Amiran Technology Sdn Bhd, Amir Ahmad (tiga dari kiri) pada majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara Amiran Technology Sdn. Bhd. dan K.I.S Co. Japan di Technology Park Malaysia. Turut hadir Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (tengah).

Kanan K.I.S Japan, Miyazawa Masahori.

Yang turut hadir, Presiden Dewan Usahawan Inovasi dan Teknologi Malaysia (MyInvent), Hazrul Hisyam Hassan.

Mengulas lanjut, Ali Sadiqin berkata, sebaik kontrak beli balik itu dimeterai, Amiran merancang membuka kemudahan pembuatan bernilai RM100 juta bagi pemasangan panel solar K.I.S dan ladang solar hibrid bagi kegunaan tempatan.

"Selain itu, Amiran akan mendapat manfaat pemindahan teknologi daripada K.I.S yang merupakan antara tiga syarikat utama Jepun bagi modul solar PV dan panel solar kogenerasi, serta menguasai hampir 50 peratus pasaran negara berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Ali Sadiqin memberitahu, syarikatnya masih menghadapi masalah untuk mendapatkan pembiayaan sama ada dalam bentuk pinjaman atau geran walaupun mendapat jaminan kredit di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau. Ali Sadiqin merupakan ahli sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) MyInvent yang menghimpunkan lebih 300 usahawan teknologi dan inovasi

dari seluruh negara yang turut serta menganjurkan majlis mini.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, kerjasama antara Amiran dan K.I.S yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam industri tersebut, akan mempercepat pembangunan dan aplikasi produk baharu, bukan sahaja di pasaran Malaysia, malah di peringkat global.

"Pembangunan ini agak unik kerana ia tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan produk tetapi modal insan melalui pembangunan vendor dan program penempatan produk menerusi MyInvent yang akan menjadi pemangkin kepada kedua-dua negara untuk meneroka pelunag-peluang lain dalam sektor tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Menurut beliau, kerajaan amat berminat dan telah mengambil langkah-langkah utama untuk menyokong penggunaan tenaga haba solar dalam perindustrian di negara ini. Katanya, inisiatif itu diketuai SIRIM Berhad dengan bantuan agensi lain termasuk Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari dan Pusat Penyelidikan Tenaga Solar

Universiti Kebangsaan Malaysia.

"Sokongan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Kementerian ke arah membangunkan teknologi solar di negara ini adalah menerusi skim pembiayaan R&D, khususnya dana prapengkomersialan MOSTI setakat ini telah membiayai dua projek brekian solar haba yang berjumlah lebih RM4 juta," ujarinya.

Dalam pada itu, Hazrul Hisyam berkata, pihaknya bangga dengan inisiatif dan keupayaan teknologi milik Amiran yang telah menarik perhatian K.I.S untuk bekerjasama.

"Ini merupakan petanda baik bukan sahaja untuk Amiran, tetapi telah secara positif meletakkan Malaysia di persada antarabangsa tentang keupayaan kita untuk mengkomersialkan produk-produk teknologi hijau baharu bagi memenuhi keperluan pasaran masa hadapan.

"Jelas sekali, kejayaan Amiran yang turut melibatkan TPM sebagai inkubator dengan kemudahan bertaraf dunia serta kesungguhan MyInvent sebagai sebuah NGO yang berusaha membantu usahawan teknologi baharu, bakal mengangkat martabat industri ke arah lebih kukuh" kata Hazrul.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 8 NOVEMBER 2015 (AHAD)

PM ucap tahniah kepada Dr. Noorul Ainur

KUALA LUMPUR 7 Nov. -Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan tahniah di atas pelantikan **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sains Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Perdana Menteri berkata, pelantikan tersebut menggambarkan keyakinan negara anggota UNESCO yang diletakkan terhadap Malaysia.

"Tahniah kepada Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur Ketua Setiausaha MOSTI yang telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Sains UN-

ESCO. Pelantikan ini menggambarkan keyakinan negara-negara anggota UNESCO yang diletakkan terhadap Malaysia untuk memajukan sains," katanya menerusi laman sosial Facebook miliknya di sini malam ini.

Sementara itu, Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada atlet paralimpik negara, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi yang muncul juara acara 100 meter dalam Kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia yang berlangsung di Doha, baru-baru ini.

"Kita ada 'Dash' kita sendiri. Tahniah Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, juara dunia 100m di Kejohanan Olahraga Paralimpik Dunia!" katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 8 NOVEMBER 2015 (AHAD)

DNA 101

**PROF. MADYA
DR. ZAFARINA
ZAINUDDIN**



DNA dan asal usul manusia

DNA merupakan satu molekul unik yang bukan hanya mengkodkan maklumat genetik, tetapi menyimpan pelbagai cerita tentang individu tersebut, termasuklah maklumat berkaitan asal-usul dan sejarah keturunan.

DNA secara amnya mempunyai dua bahagian utama iaitu bahagian yang mengkodkan maklumat genetik dan bahagian yang tidak mengkodkan maklumat genetik. Bagi memastikan bahagian DNA yang menyimpan kod genetik ini tidak mengalami perubahan pada jujukannya, sel mempunyai mekanisme baik pulih yang dapat mengenalpasti kesilapan yang telah berlaku dan seterusnya memperbaikinya.

Mutasi pada DNA boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti kesilapan semasa proses replikasi, terdedah kepada sinar UV secara berlebihan dan tindak balas pengoksidaan oleh radikal bebas yang terdapat di dalam sel.

Mekanisma baik pulih ini amat penting kerana perubahan hanya satu nukleotida dalam gen boleh merencatkan penghasilan protein yang sepatutnya. Keadaan ini boleh mendatangkan kecacatan fizikal, mengganggu fungsi sistem tubuh dan mengakibatkan penyakit.

Bahagian DNA yang tidak mengkodkan maklumat genetik pula lebih "bebas" dan tidak dikawal oleh mekanisme baik pulih. Oleh yang demikian, bahagian DNA ini mempunyai kadar mutasi yang lebih tinggi berbanding kawasan yang mengkodkan gen.

Mutasi yang terkumpul pada kadar yang stabil (contohnya 1 mutasi berlaku setiap seribu tahun) boleh menentukan bilakah dua populasi berbeza mula berpisah daripada *common ancestor* mereka dan seterusnya dapat membuat anggaran usia bagi populasi tersebut.

Kaedah ini dinamakan sebagai *molecular clock*. Dengan kehadiran teknologi canggih untuk analisis DNA, gambaran akan peristiwa yang berlaku beribu-ribu tahun dahulu boleh diperolehi dengan hanya menggunakan sumber DNA yang ada pada hari ini.

Kajian populasi menggunakan kaedah DNA telah menjadi semakin popular dan dapat memberi jawapan yang meyakinkan selepas wujudnya kaedah *polymerase chain reaction* (PCR), penggunaan DNA mitokondria dan beberapa penanda DNA seperti *single nucleotide polymorphisms* (SNPs), kromosom-Y dan *microsatellites*.

Gabungan analisis menggunakan penanda-penanda DNA ini dan kaedah statistik dapat menjelaskan proses evolusi, migrasi serta merungkai sejarah interaksi dan hubungan sesama manusia dan juga alam.

Penemuan

Penggunaan DNA dalam menjelaskan asal usul manusia menjadi semakin menarik apabila satu kumpulan penyelidik menerbitkan penemuan mereka tentang *Mitochondrial Eve* dalam majalah *Nature* pada tahun 1987 (Cann et al, 1987). Kajian ini menunjukkan semua DNA mitokondria yang ada pada hari ini boleh dirujuk kepada seorang wanita yang dinamakan sebagai Eve, yang mungkin hidup di Afrika lebih kurang 200,000 tahun dahulu.

Walau bagaimanapun, penemuan tentang *Mitochondrial Eve* ini telah mendapat kritikan hebat oleh saintis yang mempunyai aliran fahaman dan bidang yang berbeza, terutamanya kumpulan paleoanthropologist.

Terdapat dua teori utama tentang asal usul dan penghijrahan manusia

iaitu *Out of Africa* dan

Multiregional Origin.

Kedua-dua teori ini bersependapat tentang kewujudan

Homo erectus (manusia purba) di benua

Afrika sebelum

kelompok ini

bergerak keluar

ke benua lain

lebih kurang

satu juta tahun

dahulu.

Namun demikian, pendapat mereka

bercanggah bagi asal usul

manusia moden

(*Homo sapiens*).

Teori *Out of Africa* menyatakan bahawa

manusia moden

bergerak keluar

dari Afrika lebih

kurang 70,000

tahun dahulu

dan mereka

inilah yang menggantikan

populasi manusia purba di

atas muka bumi.

Kumpulan saintis yang berpegang

kepada

Multiregional Origin

pula berpendapat manusia moden wujud secara

independen di lokasi yang berbeza dan mereka ini berasal


dari kumpulan manusia purba yang telah berada di lokasi tersebut untuk tempoh yang sangat lama.

Data daripada kajian yang menggunakan penjujukan penuh DNA nuklear menunjukkan tiada percampuran DNA berlaku di antara manusia purba dan manusia moden sebelum mereka keluar dari benua Afrika, namun sedikit percampuran telah berlaku (1 hingga 4 peratus) apabila mereka tiba di benua Asia dan Eropah.

Interaksi antara manusia moden dan manusia purba mungkin berlaku di sepanjang perjalanan mereka sebelum manusia purba terus lenyap buat selama-lamanya, kemungkinan besar akibat tidak dapat beradaptasi dengan perubahan persekitaran.

Kecanggihan teknologi mampu memberi pelbagai maklumat dan merungkai sejarah penting yang tersimpan dalam DNA setiap individu. Namun demikian, sejarah itu tidak bermakna sekiranya kita sendiri gagal belajar apa-apa daripadanya.

Human mtDNA Migrations



MIGRASI manusia keluar dari Afrika sepertimana yang ditunjukkan oleh DNA mitokondria. Nombor menunjukkan anggaran masa (*years before present; YBP*) yang dikira menggunakan kaedah *molecular clock*.

Peta dipetik daripada <http://www.mito-map.org>

PENULIS adalah Pengarah Penyelidikan, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia, NIBM dan Pensyarah, Universiti Sains Malaysia (USM).



Keputusan DNA Empat Mangsa Kes Bunuh Tapah Diketahui Selewat-Lewatnya Sebulan

TAPAH, 8 Nov (Bernama) -- Keputusan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) terhadap empat mangsa kes pembunuhan kejam di Jalan Pahang di sini, akan diketahui dalam dua minggu atau selewat-lewatnya sebulan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri ACP Goh Kok Liang berkata beberapa sampel tulang dan gigi yang dipercayai mangsa bunuh dihantar ke [Jabatan Kimia Malaysia](#) Jumaat lepas untuk tujuan bedah siasat dan analisis DNA.

Beliau berkata sampel darah keluarga terdekat kesemua mangsa telah diambil bagi tujuan proses padanan DNA di Hospital Tapah, Isnin lepas.

"Sementara itu, tempoh reman dijangka dilanjutkan selepas tempoh tahanan reman empat sekeluarga akan berakhir pada Khamis ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Sebelum ini, kesemua suspek sekali lagi ditahan reman semula selama tujuh hari membabitkan kes pembunuhan seorang lelaki berumur 54 tahun yang bekerja sebagai jurujual alat ganti kenderaan, dilapor hilang pada 15 Jun 2014.

Pembunuhan kejam sekurang-kurangnya empat individu itu terbongkar selepas polis menyerbu bengkel membaiki kenderaan berat di Jalan Pahang di sini pada 26 Okt lepas setelah mendapat maklumat berhubung kehilangan seorang mangsa lelaki berusia 46 tahun yang dibuat keluarganya pada 25 Ogos lepas.

Mangsa ialah seorang pekebun dan broker tanah berusia 46 tahun yang dilaporkan hilang pada 25 Ogos lalu, seorang wanita yang juga pengusaha bas persiaran berusia 56 tahun (hilang 1 Mac 2014), jurujual alat ganti kenderaan berusia 54 tahun (hilang 15 Jun 2014) dan pekerja bengkel berusia 36 tahun yang dilaporkan hilang pada 30 Okt 2012.

Semua mangsa dipercayai dibunuh sebelum dibakar dan tulang serta abu mayat dibuang ke Sungai Ceroh di belakang bengkel berkenaan.

-- BERNAMA



KPDNKK Bakal Perkenalkan Penyelarasan Harga E-Rokok



Ahmad Bashah memantau harga daging kambing di pasar Little India Georgetown Pulau Pinang

GEORGE TOWN, 8 Nov (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan mengeluarkan penyelarasan harga mengikut kepiawaian khusus untuk rokok elektronik atau e-rokok bagi memastikan keselamatan penggunaannya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah berkata pihaknya sedang mengadakan perbincangan dengan pelbagai agensi yang terlibat termasuk Kementerian Kesihatan dan [Sirim Bhd](#) bagi merangka garis panduan dan penyelarasan harga untuk e-rokok itu.

Katanya, kementerian tidak bercadang untuk menyekat pengimportan vape ke dalam negara namun kerajaan harus memberi perhatian dari segi keselamatan dan kesihatan pengguna.

"Pengguna vape kini sudah capai lebih sejuta dan kita bukan nak halang mereka cuma nak cari jalan selamat untuk pengguna-pengguna ini.

"Kami tidak menyekat mereka (penjual vape), kalau dia tidak jual secara terbuka, dia akan jual dalam pasaran gelap juga. Jadi kita ingin mengelak perkara daripada berlaku, oleh itu kita sedang berbincang untuk mencari jalan penyelesaian," katanya selepas Lawatan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Deepavali di Little India di sini hari ini.

Sementara itu, Ahmad Bashah berkata beliau berpuas hati dengan tinjauan harga barang di Kompleks Pasar Bayan Baru dan Little India di negeri ini.

Katanya, kementerian telah membuat lebih 12,000 pemeriksaan di seluruh negara dan tiada sebarang kes direkodkan kerana semua peniaga mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

"Semua bekalan dan barangan sambutan perayaan Deepavali ini mencukupi mengikut harga yang ditetapkan pada permulaan Skim Kawalan Harga dari 5 hingga 14 Nov," katanya.

Antara barang keperluan yang disenaraikan dalam harga terkawal termasuk ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, telur ayam gred B, telur ayam gred C, daging kambing tempatan bertulang, daging kambing biri-biri import bertulang, daging kambing biri-biri import tanpa tulang, daging paha kambing biri-biri import bertulang, tomato, cili merah, kelapa biji, kelapa parut, bawang merah kecil India, bawang besar import, ubi kentang import dan kacang dal.

Musim tengkujuh kini bermula

Kuala Lumpur: Malaysia kini memasuki fasa monsun timur laut atau musim tengkujuh dengan empat episod hujan lebat menyeluruh selama tiga hingga lima hari yang boleh menyebabkan banjir.

Kenyataan Jabatan Meteorologi (MET) berkata, fenomena El Nino pada tahap kuat ketika ini dijangka mengurangkan risiko hujan lebat dan banjir besar ekstrem seperti dialami pada musim tengkujuh tahun lalu.

Sementara itu, tinjauan cuaca harian jabatan itu meramalkan Semenanjung dan Sarawak terus menerima tiupan angin lemah dari barat laut ke barat daya hari ini.

"Satu dua tempat dijangka hujan pada waktu pagi terutama di negeri pantai barat Semenanjung dan Sarawak.

"Hujan dan ribut petir di beberapa tempat di Semenanjung dan Sarawak serta pedalaman Sabah dijangka melanda pada sebelah petang dan malam," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, ribut petir, hujan lebat berserta angin kencang diramal di lima daerah di **Perak** iaitu Kuala Kangsar, Kinta, Kampar, Hilir Perak dan Batang Padang.

Keadaan yang sama berlaku di Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak, Petaling dan Sepang di Selangor.

Empat daerah di **Negeri Sembilan** iaitu Jelevu, Kuala Pilah, Rembau, Seremban dan Port Dickson turut mengalami cuaca sama.

Lapan daerah di **Johor** turut diramal berdepan keadaan sama iaitu Segamat, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian.

Di **Pahang**, ribut petir berlaku di Cameron Highlands, Lipis, Raub dan Rompin manakala hanya satu daerah di Kelantan iaitu Kuala Krai dan Hulu Terengganu di Terengganu mengalami keadaan sama.

Di **Sabah**, amaran ribut petir dikeluarkan untuk bahagian pedalaman.



Beberapa Kawasan Di Kota Kinabalu, Penampang Dinaiki Air

KOTA KINABALU, 8 Nov (Bernama) -- Hujan berterusan sejak 2 petang tadi menyebabkan beberapa kawasan di Kota Kinabalu dan Penampang dinaiki air.

Menurut maklumat Pusat Gerakan Operasi Bomba Sabah, beberapa kawasan di Penampang membabitkan Minintod, Bantayan, Bulatan Nanas, dan Kolopis dinaiki air selain berlaku tanah runtuh kecil di kawasan Kasigui.

Menurut pusat gerakan itu keadaan masih terkawal dan ada beberapa jalan di daerah itu masih boleh dilalui.

"Pihak Bomba ketika ini sedang beroperasi bagi mengumpul maklumat mengenai kawasan yang dinaiki air," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Sabah Abd Razaq Basir berkata kawasan Telipok turut dinaiki air.

Beliau berkata pasukan penyelamat JPAM Sabah juga sedang memantau keadaan banjir di sekitar Kota Kinabalu dan Penampang termasuk kejadian tanah runtuh.

Di Tuaran, Pegawai Daerahnya Abdul Mohd Ibnu Abdul Kadir Baba memaklumkan beberapa batang jalan di Tuaran yang dinaiki air sudah kembali pulih dan boleh dilalui oleh kenderaan.

Berdasarkan ramalan cuaca yang dikeluarkan [Jabatan Meteorologi](#), pantai barat Sabah mengalami ribut petir di beberapa tempat pada sebelah petang sementara sebelah malam pula hujan di satu dua tempat.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 08 NOVEMBER 2015 (AHAD)



Gempa Bumi Kuat Di Utara Sumatera

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.0 pada Skala Richter melanda Utara Sumatera pada 5.34 petang tadi, menurut [Jabatan Meteorologi](#).

Menurut jabatan itu, gempa bumi berkenaan berpusat 159km Timur dari Nias, Indonesia dan 404km Barat Daya dari Klang, Selangor.

Jabatan itu memaklumkan, gempa bumi berkenaan tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau Di Sabah

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 2.9 pada Skala Richter, melanda Ranau, Sabah pada 12.27 tengah malam tadi, demikian [Jabatan Meteorologi](#).

Menurutnya, gempa bumi berkenaan menyebabkan gegaran dirasai di Ranau.

Jabatan itu turut memaklumkan bahawa satu gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter, melanda Luzon di Filipina pada 3.40 pagi tadi.

Kejadian kedua-dua gempa bumi berkenaan tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA